

PENGARUH FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN TERHADAP PENCAPAIAN MATA PELAJARAN EKONOMI BAGI MURID-MURID SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR NEGERI PERAK, MALAYSIA

Malini Deepa Kaliappan* & Norasibah Abdul Jalil

*Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

*Corresponding author: maliniparventhalan85@gmail.com

Published: 27 December 2023

To cite this article (APA): Kaliappan, M. D., & Abdul Jalil, N. (2023). Pengaruh faktor dalaman dan luaran terhadap pencapaian Mata Pelajaran Ekonomi bagi murid-murid Sekolah Menengah Luar Bandar negeri Perak, Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(2), 83–92. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.9.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.9.2023>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian subjek Ekonomi bagi murid-murid tingkatan empat. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan diedarkan kepada 201 orang murid tingkatan empat di tujuh buah sekolah menengah sekitar Daerah Kinta Utara, Ipoh. Pengukuran input dibuat dalam format skala Likert 5 poin. Data soal selidik yang diperolehi, dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 23 melalui ujian deskriptif dan inferensi. Dapatkan bagi analisis deskriptif menunjukkan faktor Gaya Pembelajaran memperolehi nilai min skor yang Sederhana tinggi iaitu 3.187 diikuti oleh Sikap Murid (Min = 3.0167), manakala faktor Guru, Persekutaran Sekolah, Keluarga dan Minat Murid mencapai tahap pengaruh Sederhana Rendah, dengan nilai skor Min 2.969, 2.964, 2.992 dan 2.872, mengikut turutan. Sebagai kesimpulan, kesemua item-item bagi faktor Dalaman dan Luaran mempunyai pengaruh terhadap pencapaian murid. Walaubagaimanapun sekiranya fokus diperlukan, tumpuan boleh diberikan pada faktor Sikap dan Gaya Pembelajaran Murid kerana kedua item ini merekodkan pengaruh tahap Sederhana Tinggi terhadap pencapaian. Implikasi kajian ini adalah, dalam mensasarkan kemajuan pelajar terhadap subjek Ekonomi, aspek yang perlu diberi perhatian tidak sepatutnya tertumpu pada pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru sahaja, tetapi juga pada faktor-faktor lain. Ini adalah kerana kejayaan pelajar dalam subjek ini bukan bersifat berhubungan dengan satu faktor, tapi dengan banyak faktor. Berdasarkan keputusan yang diperoleh dalam kajian ini, selain dari memberi tumpuan pada PdPc guru, tumpuan pada faktor Sikap serta Gaya Pembelajaran murid juga perlu diberi perhatian.

Kata Kunci: faktor Dalaman, faktor Luaran, gred, pencapaian, Ekonomi

ABSTRACT

This study aims to examine the factors that affect the achievement of the Economics subject for fourth form students. This study used a questionnaire as a research instrument and was distributed to 201 fourth grade students in seven secondary schools around Kinta Utara District, Ipoh. Input measurements are made in a 5-point Likert scale format. The questionnaire data obtained was analyzed using IBM SPSS Statistics version 23 through descriptive and inferential tests. Findings for the descriptive analysis show that the Learning Style factor obtained a medium high mean score value of 3.187 followed by Student Attitude (Mean = 3.0167), while the Teacher, School Environment, Family and Student Interest factors reached a medium to low level of influence, with a mean score value of 2.969, 2.964, 2.992 and 2.872, respectively. In conclusion, all the items for Internal and External factors have an influence on student achievement. However, if focus is needed, focus can be given on the Attitude and Learning Style factors of Pupils because these two items record the influence of a Medium-High level on achievement. The implication of this study is that, in targeting student progress towards the subject of Economics,

the aspect that needs attention should not be focused on teaching and facilitation (PdPc) of teachers only, but also on other factors. This is because the success of students in this subject is not related to one factor, but to many factors. Based on the results obtained in this study, apart from focusing on the teacher's PdPc, the focus on the Attitude and Learning Style factors of students also needs to be given attention.

Keywords: Internal factors, External factors, grades, achievement, Economy.


PENGENALAN

Di Malaysia, mata pelajaran Ekonomi Asas merupakan salah satu cabang dalam pendidikan teknik dan vokasional dan merupakan satu mata pelajaran elektif yang dirangka untuk murid-murid tingkatan empat dan lima. Kurikulum Ekonomi yang digubal adalah dengan tujuan memberikan murid pemahaman teguh mengenai prinsip asas ekonomi bagi membantu murid memahami dunia moden serta membuat keputusan yang akan membentuk masa depan kelak selaras seperti yang diharatkannya dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Yang terakhir, pengubahsuaian telah berlaku dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025. Tujuan perlaksanaan adalah bagi memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa, serta memasukkan secara eksplisit kemahiran abad ke-21 dan kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Oleh itu, mata pelajaran Ekonomi mengalami perubahan bukan sahaja dari aspek kurikulum malahan menyediakan murid-murid ekonomi menghadapi cabaran abad ke-21 seiring dengan matlamat ke arah negara maju dan perkembangan teknologi dalam industri secara khususnya.

PENYATAAN MASALAH

Rajah 1 di bawah menunjukkan pencapaian murid-murid negeri Perak dalam mata pelajaran Ekonomi Asas (2013-2016) yang bersifat menurun. Pada tahun 2013 peratus lulus murid semakin menurun iaitu sebanyak 75.60 % kepada 71.86% pada tahun 2014. Pada tahun 2015, peratus lulus adalah sebanyak 71.65% dan terus menurun kepada 71.50 % pada tahun 2016 . Pada tahun 2017, mata pelajaran Ekonomi Asas telah ditukarkan menjadi mata pelajaran Ekonomi akibat pengubahsuaian kepada KSSM dan peratus lulus masih rendah iaitu sebanyak 70.20 %. Seterusnya, peratus lulus mata pelajaran Ekonomi Asas bagi murid-murid sekolah menengah luar bandar hanyalah dalam lingkungan 55 peratus berbanding peratus lulus bagi pelajar-pelajar sekolah kategori bandar yang mencapai sehingga 90 peratus. (Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara, 2018). Sehubungan dengan itu, wujudlah jurang perbezaan yang amat ketara dalam pencapaian prestasi mata pelajaran.

Rajah 1 SPM Ekonomi Asas/ Ekonomi Negeri Perak



Prestasi yang merosot secara berterusan menjadi lebih buruk apabila rekod kegagalan murid dalam mata pelajaran Ekonomi kekal lebih tinggi berbandingkan dengan mata pelajaran Perniagaan dan Prinsip Perakaunan, yang turut merupakan mata pelajaran utama dalam bidang Teknik dan Vokasional. Masalah yang berlaku ini mempengaruhi persepsi murid dan orang ramai dimana mereka menganggap mata pelajaran Ekonomi adalah mata pelajaran yang sukar. Sehubungan dengan itu, kajian semasa

dibangunkan bagi tujuan menyelidik permasalahan ini dengan lebih mendalam. Fokus utama kajian walaubagaimanapun, tertumpu kepada pengaruh faktor Dalaman dan Luaran terhadap pencapaian murid dalam subjek Ekonomi.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenalpasti pengaruh faktor Dalaman dan Luaran terhadap Pencapaian murid dalam subjek Ekonomi
- ii. Menganalisis hubungan di antara faktor-faktor Dalaman dan faktor-faktor Luaran terhadap Pencapaian murid dalam subjek Ekonomi.

METODOLOGI

Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengaruh faktor Dalaman dan Luaran terhadap Pencapaian murid dalam subjek ekonomi. Sampel kajian bersifat persampelan bertujuan yang melibatkan pelajar tingkatan empat aliran Teknik dan Vokasional yang mengambil subjek Ekonomi di tujuh buah sekolah. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik, dimana input yang di peroleh di ukur melalui skala Liker 5 poin. Sebanyak 201 set soalan berjaya dijawab dengan lengkap, dan input yang diperoleh diproses melalui analisis deskriptif yang menggunakan perisian SPSS versi 22. Analisis Deskriptif ini digunakan bagi tujuan menghuraikan tahap pembolehubah tidak bersandar dalam mempengaruhi pembolehubah bersandar, dan dari keputusan yang diperoleh membantu penyelidik membuat kesimpulan. Analisis Deskriptif dalam kajian semasa melibatkan ujian frekuensi, min, mod dan sisihan piawai

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dilaporkan mengikut susunan berikut; analisis Pengaruh Faktor Dalaman di ikuti dengan Analisis Faktor Luaran.

4.1 Analisis Pengaruh Faktor Dalaman

Analisis ini dijalankan bagi mencapai Objektif 1 iaitu; Mengenalpasti tahap pengaruh faktor-faktor Dalaman terhadap Pencapaian murid dalam subjek Ekonomi. Analisis dipecahkan pada 3 iaitu; analisis Sikap, Minat dan Gaya Pembelajaran. Pentafsiran bagi nilai skor min yang diperoleh dalam ujian deskriptif adalah berdasarkan pada maklumat yang dipaparkan di Jadual 4.1 dibawah.

Jadual 4.1 Pentafsiran Nilai Skor Min

Skor Min	Aras Persetujuan
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Nunally & Bernstein (1978); Stufflebeam (1971); Nunnally & Bernstein, 1994)

4.1.1 Analisis Sikap

Keputusan keseluruhan bagi analisis ini dipaparkan di Jadual 4.2. Keputusan menunjukkan skor min bagi kesemua item berada di tahap Sederhana Rendah ($\text{Min} < 3.00$) melainkan item B5 dengan catatan min skor tertinggi 3.790 untuk berada di tahap pengaruh Sederhana Tinggi. Catatan bagi nilai skor min

keseluruhan adalah 3.0167 memberi maksud, faktor Sikap mempunyai pengaruh yang Sederhana Tinggi terhadap prestasi pelajar dalam subjek Ekonomi.

Jadual 4.2: Tahap bagi 6 Item Sikap Pelajar

NO	Item soal selidik	Min	S/D	Tahap
B1	Tingkat usaha saya untuk mendalami isi kandungan mata pelajaran Ekonomi dengan lebih terperinci	2.910	1.639	Sederhana Rendah
B2	Tingkat keupayaan saya untuk mengingati apa sahaja yang dipelajari dalam mata pelajaran Ekonomi.	2.820	1.436	Sederhana Rendah
B3	Tingkat usaha saya untuk menyiapkan setiap tugas yang diberikan dalam tempoh masa yang singkat.	2.840	1.579	Sederhana Rendah
B4	Tingkat kekerapan perbincangan saya dengan rakan-rakan dalam menyelesaikan tugas /latihan yang diberikan oleh Guru.	2.860	1.635	Sederhana Rendah
B5	Sikap suka berbual-bual saya dengan rakan-rakan semasa Guru mengajar di dalam bilik darjah.	3.790	1.268	Sederhana Tinggi
B6	Tahap penumpuan saya terhadap mata pelajaran Ekonomi untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.	2.900	1.607	Sederhana Rendah
Purata Min & Sisihan Piawai		3.0167	.953	Sederhana Tinggi

4.1.2 Analisis Minat

Keputusan keseluruhan bagi analisis ini dipaparkan di Jadual 4.3. Keputusan menunjukkan skor min bagi kesemua item berada di tahap Sederhana Rendah dengan catatan tertinggi bernilai 2.94 Tertinggi (C4) dan terendah 2.73 (C3). Catatan bagi nilai skor min keseluruhan adalah 2.872; dan memberi maksud, faktor Minat mempunyai pengaruh yang Sederhana rendah terhadap prestasi pelajar dalam subjek Ekonomi.

Jadual 4.3: Tahap bagi 6 Item Minat Pelajar

NO	Item soal selidik	Min	S/D	Tahap
C1	Tahap Minat saya terhadap mata pelajaran Ekonomi.	2.80	1.606	Sederhana Rendah
C2	Tingkat kekerapan pertanyaan saya kepada Guru tentang perkara-perkara yang tidak difahami dalam topik pengajaran.	2.94	1.404	Sederhana Rendah
C3	Tahap kesungguhan saya untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam mata pelajaran Ekonomi.	2.73	1.574	Sederhana Rendah
C4	Tingkat kekerapan saya dalam membuat latihan tambahan bagi setiap topik pembelajaran dalam mata pelajaran Ekonomi.	2.89	1.499	Sederhana Rendah
C5	Tingkat kekerapan saya mengunjungi pusat sumber sekolah untuk mendapatkan bahan bacaan tambahan bagi mata pelajaran Ekonomi	2.81	1.614	Sederhana Rendah
C6	Tingkat kekerapan saya berjumpa Guru di luar waktu pembelajaran Ekonomi dalam mendapatkan bimbingan terhadap mata pelajaran Ekonomi	2.79	1.549	Sederhana Rendah
Purata Min & Sisihan Piawai		2.872	.565	Sederhana Rendah

4.1.3 Analisis Gaya Pembelajaran

Keputusan keseluruhan bagi analisis ini dipaparkan di Jadual 4.4. Keputusan menunjukkan skor min bagi hampir kesemua item berada di tahap Sederhana Tinggi (> 3.50) kecuali bagi item D3 dan D4 yang berada ditahap Sederhana Rendah dengan catatan skor min 2.840 dan 2.790, mengikut turutan. Catatan bagi nilai skor min keseluruhan adalah 3.187 memberi maksud, faktor Gaya Pembelajaran mempunyai pengaruh yang Sederhana Tinggi terhadap prestasi pelajar dalam subjek Ekonomi.

Jadual 4.4: Analisis Pengaruh Faktor Gaya Pembelajaran Pelajar

NO	Item soal selidik	Min	S/D	Tahap
D1	Tahap keupayaan saya dalam memperuntukkan tempoh masa melebihi 1 jam setiap hari di rumah untuk mengulangkaji mata pelajaran Ekonomi	3.590	1.397	Sederhana Tinggi
D2	Tingkat kekerapan saya membuat latihan dan bacaan tambahan dari buku rujukan untuk meningkatkan pencapaian saya dalam mata pelajaran Ekonomi.	3.100	1.550	Sederhana Tinggi
D3	Tahap kecenderungan saya mengamalkan Gaya Pembelajaran yang teratur dalam meningkatkan pencapaian terhadap mata pelajaran Ekonomi.	2.840	1.509	Sederhana Rendah
D4	Tingkat kekerapan penggunaan kaedah pembelajaran bersifat ilustrasi (peta minda, gambar rajah) membantu saya dalam proses pembelajaran Ekonomi.	2.790	1.583	Sederhana Rendah
D5	Tingkat kecenderungan saya dalam menghafal fakta bagi menguasai topik-topik pembelajaran Ekonomi	3.610	1.442	Sederhana Tinggi
Purata Min & Sisihan Piawai		3.187	.717	Sederhana Tinggi

4.2 Analisis Pengaruh Faktor Luaran

Analisis ini dijalankan bagi menjawab objektif 1 iaitu: Menentukan pengaruh faktor-faktor Luaran (Keluarga, Guru dan Persekutaran) terhadap pencapaian subjek Ekonomi. Keputusan bagi ujian deskriptif diterangkan mengikut susunan berikut; Analisis Faktor Keluarga, Analisis Faktor Guru, dan Analisis faktor Persekutaran Sekolah

4.2.1 Analisis Faktor Keluarga

Keputusan keseluruhan bagi analisis ini dipaparkan di Jadual 4.5

Jadual 4.5: Analisis Pengaruh Faktor Keluarga

NO	Item soal selidik	Min	S/D	Tahap
E1	Tahap dorongan Ibu bapa / ahli Keluarga terhadap saya untuk meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Ekonomi	3.520	1.357	Sederhana Tinggi
E2	Tingkat kekerapan Ibu bapa / ahli Keluarga mengikuti perkembangan semasa membantu peningkatan kemajuan saya dalam mata pelajaran Ekonomi.	3.320	1.510	Sederhana Tinggi
E3	Tingkat kekerapan Ibu bapa/ ahli Keluarga saya dalam membantu saya untuk menyelesaikan tugas/ latihan mata pelajaran Ekonomi.	3.190	1.508	Sederhana Tinggi
E4	Tahap kecenderungan Ibu bapa /ahli Keluarga saya menyediakan kemudahan akses internet di rumah bagi memudahkan saya mencari maklumat –maklumat tentang mata pelajaran Ekonomi	2.790	1.538	Sederhana Rendah
E5	Tahap kecenderungan Ibu bapa/ ahli Keluarga saya menyediakan bilik belajar khas (study room) untuk aktiviti pembelajaran di rumah	2.770	1.594	Sederhana Rendah

E6	Tingkat kekerapan Ibu bapa/ ahli Keluarga dalam pembelian bahan bacaan tambahan (buku rujukan) untuk mata pelajaran Ekonomi.	2.930	1.526	Sederhana Rendah
E7	Tahap kesungguhan Ibu bapa/ ahli Keluarga menghantar saya untuk menghadiri kelas tuisyen bagi memantapkan penguasaan isi kandungan mata pelajaran Ekonomi	2.830	1.515	Sederhana Rendah
Purata Min & Sisihan Piawai			2.992 .032	Sederhana Rendah

4.2.2 Analisis Faktor Guru

Keputusan keseluruhan bagi analisis ini dipaparkan di Jadual 4.6. Keputusan yang diperoleh menunjukkan hampir kesemua item merekodkan skor min tahap Sederhana Rendah melainkan item F4, F5, dan F7 dengan catatan nilai skor min (mengikut turutan) 3.040, 3.260 dan 3.230. Nilai skor min keseluruhan adalah 2.970 memberi maksud, faktor Guru mempunyai pengaruh yang Sederhana Rendah terhadap prestasi pelajar dalam subjek Ekonomi.

Jadual 4.6: Analisis Pengaruh Faktor Guru

NO	Item soal selidik	Min	S/D	Tahap
F1	Tingkat kekerapan Guru saya menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) semasa mengajar di dalam kelas	2.910	1.517	Sederhana Rendah
F2	Tahap kecenderungan Guru saya menggunakan bahasa yang mudah difahami dalam menerangkan topik-topik pengajaran di dalam kelas.	2.800	1.565	Sederhana Rendah
F3	Tahap kecenderungan Guru saya mengaplikasikan kaedah pengajaran berbentuk ilustrasi (gambar rajah, peta minda, jadual) untuk menerangkan topik-topik pengajaran di dalam kelas	2.850	1.561	Sederhana Rendah
F4	Tingkat kekerapan Guru saya menekankan latih tubi dalam proses pengajaran berkesan di dalam kelas	3.040	1.483	Sederhana Tinggi
F5	Tingkat kekerapan Guru saya menggunakan teknik penyoalan dalam meningkatkan pemahaman saya terhadap topik-topik pembelajaran	3.260	1.502	Sederhana Tinggi
F6	Tingkat kekerapan Guru saya mengaplikasikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran Ekonomi	2.690	1.498	Sederhana Rendah
F7	Tahap keyakinan Guru saya dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah	3.230	1.445	Sederhana Tinggi
Purata Min & Sisihan Piawai			2.970 .659	Sederhana Rendah

4.2.3 Analisis Faktor Persekutaran Sekolah

Keputusan keseluruhan bagi analisis ini dipaparkan di Jadual 4.7.

Jadual 4.7: Analisis Pengaruh Faktor Persekutaran Sekolah

NO	Item soal selidik	Min	S/D	Tahap
G1	Tingkat keupayaan pihak sekolah menyediakan kemudahan makmal komputer yang dilengkapi dengan akses internet memudahkan pencarian data-data Ekonomi dengan mudah dan pantas.	2.80 0	1.60 6	Sederhana Rendah
G2	Tingkat keupayaan pusat sumber sekolah dilengkapi dengan sumber bahan rujukan mata pelajaran Ekonomi yang terkini banyak membantu saya dalam menyiapkan tugas	3.18 0	1.57 5	Sederhana Tinggi
G3	Tingkat kekerapan Panitia mata pelajaran Ekonomi mendedahkan para pelajar maklumat- maklumat terkini mengenai pentaksiran mata pelajaran Ekonomi	3.21 0	1.55 4	Sederhana Tinggi
G4	Tingkat kekerapan Pihak pentadbir (Pengetua, Penolong Kanan dan Guru Kanan) dalam memberikan sokongan terhadap program-program akademik yang dirancang dalam panitia mata pelajaran Ekonomi.	2.91 0	1.56 3	Sederhana Rendah

G5	Tingkat kekerapan perjumpaan mentor (kaunselor/Guru ekonomi) mentee (pelajar-pelajar ekonomi) di dalam kelas.	2.84 0	1.21 2	Sederhana Rendah
G6	Tingkat persaingan positif yang wujud antara saya dan rakan-rakan untuk meningkatkan pencapaian terhadap mata pelajaran Ekonomi.	2.85 0	1.34 9	Sederhana Rendah
	Purata Min & Sisihan Piawai	2.96 0	.458	Sederhana Rendah

Keputusan yang diperoleh menunjukkan hampir kesemua item merekodkan skor min tahap Sederhana Rendah melainkan item G2 dan G3, masing-masing dengan catatan skor min 3.180 dan 3.210. Nilai skor min keseluruhan yang direkodkan adalah 2.960, yang memberi maksud faktor Persekutaran Sekolah mempunyai pengaruh yang Sederhana Rendah terhadap prestasi pelajar dalam subjek Ekonomi.

Laporan Skor Min Keseluruhan

Bagi melihat pengaruh faktor Dalaman dan Luaran secara keseluruhan, nilai min skor yang diperoleh bagi setiap faktor adalah seperti yang dipaparkan di Jadual 4.8. Keputusan yang diperoleh, faktor Dalaman mencapai tahap pengaruh yang lebih dengan nilai min skor sebanyak 3.023 berbanding nilai min skor Faktor Luaran (min. 2.974). Rumus yang boleh dibuat disini, Faktor Dalaman mempunyai pengaruh yang lebih besar terhadap pencapaian murid berbanding faktor Luaran.

FAKTOR	Item	Min	S/D	Tahap
Dalam	Sikap	3.0167	0.953	Sederhana Tinggi
	Minat	2.872	0.565	Sederhana Rendah
	Gaya Pembelajaran	3.187	0.717	Sederhana Tinggi
	Skor min keseluruhan	3.02523333	0.745	Sederhana Tinggi
Luaran	Guru	2.969	0.659	Sederhana Rendah
	Keluarga	2.992	0.032	Sederhana Rendah
	Persekutuan Sekolah	2.964	0.458	Sederhana Rendah
	Skor min keseluruhan	2.974	0.383	Sederhana Rendah

PERBINCANGAN

Perbincangan topik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 5.3.1 Pengaruh Faktor-faktor Dalaman Terhadap Pencapaian Akademik Murid dan 5.3.2 Pengaruh Faktor-Faktor Luaran Terhadap Pencapaian Akademik Murid.

5.3.1 Pengaruh Faktor-Faktor Dalaman Terhadap Pencapaian Akademik Murid

Kajian ini mendapati wujudnya hubungan yang signifikan dan positif antara Sikap dan pencapaian murid. Ini mungkin dapat dikaitkan dengan pandangan Noorafini Kassim et al. (2017) yang mengatakan bahawa Sikap adalah bayangan kepada kerelaan individu melakukan sebuah tindakan. Sikap yang positif akan membuatkan seseorang rela dan sanggup untuk belajar dan mendapat pencapaian akademik yang baik. Nor Kalsum Mohd Isa (2016) pula mengatakan yang pelajar yang mempunyai Sikap positif

akan menumpukan perhatian dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan dan akan bertindak untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Dapatkan kajian ini juga menunjukkan adanya hubungan yang signifikan dan positif antara Minat dan pencapaian akademik murid. Minat yang tinggi terhadap sesuatu subjek juga mempengaruhi pencapaian subjek secara positif. Ini adalah kerana Minat berkait rapat dengan tingkah laku pelajar dalam pembelajaran di dalam bilik darjah. Bukan itu sahaja, Yee dan Yazid Abdul Manap (2018) juga menyatakan bahawa kekurangan Minat menjadi penyebab utama kegagalan dalam proses pembelajaran.

Di samping itu, terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Dalaman Gaya Pembelajaran pelajar dan pencapaian akademik pelajar, sama seperti dapatan Yee et al (2014) mengenai Gaya Pembelajaran mempengaruhi perlakuan seseorang pelajar dalam menguasai konsep, teori mahupun isi kandungan pembelajaran mengikut tahap penerimaan masing-masing terhadap proses pembelajaran yang lebih berkesan. Malahan, menurut Weay et al. (2016) kepelbagai Gaya Pembelajaran boleh memberikan kesan terhadap keseluruhan akademik murid. Ini adalah kerana ianya mempengaruhi penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan tahap pemikiran aras lebih tinggi.

5.3.2 Pengaruh Faktor-Faktor Luaran Terhadap Pencapaian Akademik Murid

Dapatkan kajian ini menyatakan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara faktor Luaran Keluarga dan pencapaian akademik pelajar. Ini seiring dengan pandangan Zalika Adam et al. (2009) yang mengatakan faktor kemampuan pelajar-pelajar sekolah luar bandar dalam menanggung kos melanjutkan pelajaran menjadi satu bebanan apatah lagi menanggung kos pendidikan sedia ada dalam bentuk pembelian buku-buku rujukan tambahan. Ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh keluarga memberi impak besar kepada pelajar. Hal ini disokong oleh Fatin Aliah Phang et al. (2014) di mana pendidikan awal yang diperolehi di rumah ditambah pula dengan sokongan dan motivasi yang berterusan daripada ahli keluarga juga turut menyumbang ke arah kejayaan.

Faktor Guru, atau spesifiknya gaya pengajaran guru mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatkan ini juga dapat dilihat dalam kajian lampau seperti Blaeghzadeh dan Shakouri (2017). Ini membuktikan peranan guru sebagai agen perubahan dalam reformasi pendidikan yang berjaya. Ini juga berkaitan dengan pandangan Heydarnejad et al. (2017) mengenai gaya pengajaran guru mencerminkan tingkah laku mereka sewaktu mengajar di dalam kelas dan ini menyebabkan guru mempunyai impak yang berbeza terhadap setiap murid. Anuar Ahmad dan Nelson (2015) pula mengatakan keperibadian seseorang guru mampu memantapkan pengaruhnya dengan para pelajar di dalam proses pembelajaran.

Akhir sekali, dapat dilihat bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan berhubung secara positif antara faktor Persekutaran Sekolah dan pencapaian akademik murid. Dapatkan ini disokong oleh Zainol Abidin Ishak et al. (2017). Dalam perkara ini, sekolah bertindak sebagai satu platform utama dalam membentuk perwatakan dan keperibadian diri seseorang individu secara amnya. Selain itu, pendidikan formal yang diterapkan di dalam sekolah menjadi titik permulaan seseorang individu menerima dan mengaplikasi ilmu pengetahuan yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Ini menjelaskan hubungan signifikan dan positif antara faktor Luaran Persekutaran Sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar.

IMPLIKASI KAJIAN

Gabungan masalah pencapaian murid dalam subjek ekonomi dengan dapatan dari kajian-kajian sedia ada yang membuktikan bahawa prestasi murid disumbangkan oleh pelbagai faktor iaitu faktor-faktor Dalaman dan Luaran terpilih meliputi item Sikap, Minat, Gaya Pembelajaran, faktor Guru, faktor Keluarga dan faktor Persekutaran Sekolah telah membangunkan satu keperluan (*urgency*) untuk menjalankan kajian yang sama terhadap murid-murid yang mengambil subjek Ekonomi.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengaruh faktor Dalaman dan Luaran terhadap pencapaian mata pelajaran Ekonomi pelajar-pelajar tingkatan empat di tujuh (7) buah sekolah menengah luar Bandar terpilih; di daerah Kinta Utara, Perak. Faktor Dalaman merangkumi faktor Sikap, Minat dan Gaya Pembelajaran pelajar manakala faktor Luaran merangkumi faktor Keluarga, Guru dan Persekutaran Sekolah. Seramai 201 orang pelajar mengambil bahagian dalam kajian ini. Keputusan dari analisis deskriptif dapat dirumuskan, faktor Dalaman mempunyai pengaruh tahap Sederhana Tinggi bagi semua item melainkan bagi item Minat yang mencatatkan pengaruh tahap Sederhana Rendah. Bagi faktor Luaran, kesemua item mencatatkan pengaruh tahap Sederhana Rendah. Sebagai implikasi kajian, kesemua pihak yang terlibat dalam pembangunan dan kemajuan pelajar dalam matapelajaran ekonomi; selain dari faktor pengajaran dan pemudahcaraan guru, faktor-faktor lain juga perlu diberi perhatian. Sepertimana yang dibuktikan dalam kajian ini iaitu faktor Minat dan Gaya Pembelajaran Murid bagi memastikan kemajuan pelajar berlaku secara berterusan.

RUJUKAN

- Abu, N. E. B., & Eu, L. K. (2017). Hubungan antara Sikap, Minat, pengajaran Guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Anaraki, S. S., Amirian, S. M. R., & Zolfagharkhani, M. (2016). Development and validation of a self-efficacy scale with writing and social factors. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 6, 27-40.
- Baleghizadeh, S., & Shakouri, M. (2017). Investigating the relationship between teaching styles and teacher self-efficacy among some Iranian ESP university instructors. *Innovations in Education and Teaching International*, 54(4), 394-402.
- Couper, K., Hassan, A. A., Ohri, V., Patterson, E., Tang, H. T., Bingham, R., ... & Perkins, G. D. (2020). Removal of foreign body airway obstruction: a systematic review of interventions. *Resuscitation*, 156, 174-181.
- Fauziah, A., Rosnaningsih, A., & Azhar, S. (2017). Hubungan antara motivasi belajar dengan Minat belajar siswa kelas IV SDN Poris Gaga 05 kota Tangerang. *Jurnal Jpsd*, 4(1), 47-53.
- Harahap, R. S. P., Waqqosh, A., & Siregar, S. (2020). Pengaruh Sikap 3A (Attitude, Attention, dan Action) Berbasis Syariah Terhadap Pencapaian Loyalitas Penabung Wadiah Pada Bank Sumut Syariah. *Ekonomi, Keuangan, Investasi Dan Syariah (EKUITAS)*, 1(2), 69-73.
- Hemphill, J. F. (2003). Interpreting the magnitudes of correlation coefficients.
- Heong, Y. M., Sern, L. C., Kiong, T. T., & Mohamad, M. M. B. (2014). The role of higher order thinking skills in green skill development. In *MATEC Web of Conferences* (Vol. 70, p. 05001). EDP Sciences.
- Hidayat, A. A. (2021). Cara Mudah Menghitung Besar Sampel. Health Books Publishing.
- Isa, N. K. M., Yunos, M. Y. M., Ibrahim, M. H., Ismail, K., & Marzuki, M. (2018). An exploration of drivers and strategies for encouraging the delivery of green building projects in housing development. *Architecture*, 9(8).
- Jegayanesh, S. (2018). *Pengaruh Faktor Dalaman Dan Luaran Terhadap Prestasi Pelajar Dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas di Daerah Port Dickson*. Thesis Master, Universiti Pendidikan Sultan Idris. <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=3868>
- Kob, C. G. C., Abdulah, M. S., Kamis, A., Hanapi, Z., & Rus, R. C. (2016). Amalan Gaya Pembelajaran pelajar cemerlang di Politeknik Seberang Perai: Kajian pelajar Malaysia berdasarkan model Felder Silvermen (Learning styles of high achievers at the Seberang Perai Polytechnic: A study of Malaysian students based on the Felder Silvermen model). *Geografia*, 12(3).
- Koon, T. L. (2018). *Faktor Dalaman sekolah dan komitmen Guru terhadap organisasi: pengaruh pengantar kualiti kehidupan kerja Guru di SBT dan SBBT* (Doctoral dissertation, Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia). Retrieved from <http://eprints.usm.my/43764>.
- Lestari, I. (2015). Pengaruh waktu belajar dan Minat belajar terhadap hasil belajar matematika. *Formatif: Jurnal Ilmiah Pendidikan MIPA*, 3(2).
- Razali, M. S. M., & Raop, N. A. (2019). Mengenalpasti Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 3(1), 77-87.
- Royo, M. A., & Mahmood, H. (2011). Faktor-faktor kelemahan yang mempengaruhi pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran Reka Cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2(6), 145-174.

Pengaruh faktor dalaman dan luaran terhadap pencapaian Mata Pelajaran Ekonomi bagi murid-murid Sekolah Menengah Luar Bandar negeri Perak, Malaysia

- Sari, T. T. (2020). Self-Efficacy dan Dukungan Keluarga Dalam Keberhasilan Belajar Dari Rumah di Masa Pandemi Covid-19. *Education Journal: Journal Educational Research and Development*, 4(2), 127-136.
- Suharyat, Y. (2009). Hubungan antara Sikap, Minat dan perilaku manusia. *Jurnal Region*, 1(3), 1-19.
- Sujana, K., Hariyadi, S., & Purwanto, E. (2018). Hubungan Antara Sikap dengan Perilaku Peduli Lingkungan pada Mahasiswa. *Jurnal Ecopsy*, 5(2), 81-87.
- Wil, E. B. A., & Thambu, N. (2018). Kompetensi Moral Murid Tingkatan Empat di Daerah Dalat Sarawak: Moral Competence of Form Four Students in the District of Dalat, Sarawak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 4(1), 48-59.
- Zaliza, C. L. R., Erra-Balsellsa, R., Nonamib, H., Satob, Y., & Varela, O. (2005). Synthesis and polymerization of conveniently substituted 6-amino-6-deoxy-D-galactonic acid derivatives. *Arkivoc*, 12, 76-87.